

A) Tulis imbuhan awalan yang betul pada kata dasar yang diberikan.

Kamal telah (1)_____ (catat) beberapa nota tentang tajuk langkah-langkah
(2)_____ (jaga) keselamatan diri di sekolah. Perkara pertama yang
(3)_____ (catat) olehnya adalah tentang keselamatan diri perlu
(4)_____ (ambil) berat oleh diri sendiri.

Selain itu, murid tidak patut mengingkari nasihat ibu bapa atau guru. Mereka
(5)_____ (beri) nasihat kerana mereka tahu akan perkara yang
(6)_____ (bahaya) atau pun tidak.

Murid juga (7)_____ (larang) menghampiri orang yang tidak dikenali.
Jika mereka (8)_____ (paksa), murid perlu (9)_____ (jerit)
sekuat hati sambil (10)_____ (lari) ke arah orang ramai. Murid juga diingatkan
agar tidak (11)_____ (ikut) orang yang tidak dikenali.

Seterusnya, murid tidak dibenarkan (12)_____ (main) di koridor atau
tempat yang (13)_____ (bahaya) di sekolah. Perbuatan ini akan
(14)_____ (undang) kemalangan.

B) Baca dan fahami petikan. Kemudian, lengkapkan perbezaan antara bakul rotan dengan bakul plastik.

Orang Melayu sememangnya mahir dalam bidang seni anyaman. Kerja tangan mereka halus, kemas dan bermutu tinggi.

Bakul rotan ialah hasil tangan pelbagai guna yang kemas anyamannya. Rotan yang telah direndam akan dilayur kemudiannya dianyam dengan teliti. Bakul rotan sangat tahan apabila digunakan.

Kini, bakul plastik yang dibuat oleh mesin lebih murah. Buatannya lebih kemas dan lebih tahan lama. Bagaimanapun, bakul rotan lebih nampak kehalusan seninya berbanding bakul plastik.



Bakul rotan



Bakul plastik

	Bakul Rotan	Bakul Plastik
1.	Bahan asas:	Bahan asas:
2.	Cara buatan:	Cara buatan:
3.	Harga:	Harga:
4.	Ketahanan:	Ketahanan:
5.	Kesenian:	Kesenian:
6.	Kesan:	Kesan:

C) Kenal pasti ayat-ayat di bawah ini sama "ayat nyata", "ayat tanya", "ayat seruan", atau "ayat perintah".

1. Di manakah telefon bimbit ayah?

2. Aduh, sakitnya gigiku!

3. Skrin televisyen ini berukuran 40inci.

4. Jangan melayari laman web yang tidak baik.

5. Cikgu Gavin merupakan guru matematik tahun 3.

6. Siapakah yang mencipta telefon?